



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 BERSAMA YAB PERDANA MENTERI PERINGKAT KEBANGSAAN MEMPERKASA PERPADUAN DAN MEWARISI TRADISI KEBERSAMAAN

PUTRAJAYA, 27 Mac 2025 - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka akan menganjurkan **Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan** pada **5 April 2025** di **Melaka International Trade Centre (MITC)**, Ayer Keroh. Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan dihadiri oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka serta YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Majlis ini merupakan **kesinambungan tradisi sambutan Aidilfitri** yang dianjurkan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan untuk **memupuk semangat perpaduan** dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang. Bertemakan '**Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara**', program ini mengangkat **nilai ihsan dan semangat toleransi sebagai asas kepada kesatuan** dalam kepelbagaian. Ia turut menjadi wadah untuk meraikan kemajmukan budaya Malaysia dan memperkukuh nilai keharmonian serta kesejahteraan dalam masyarakat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, majlis ini akan **memperkukuh hubungan antara rakyat Malaysia dengan semangat saling menghormati, memahami dan menghargai kepelbagaian budaya** yang menjadi teras keharmonian negara. Aidilfitri bukan sekadar satu perayaan keagamaan tetapi juga **satu manifestasi perpaduan yang merangkumi seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang**.

Orang ramai dijemput hadir meraikan **Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan**. Pelbagai aktiviti menarik akan disediakan seperti Pertandingan Sukan Rakyat Perpaduan, Pameran reruai jabatan dan agensi, Pameran rumah KAMI (rumah etnik), dan Persembahan silang budaya.

Kementerian Perpaduan Negara

27 Mac 2025

KPN.100-9/1/16 (20)



عِيدُ الْفِطْرِ

Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025

**BERSAMA
YAB PERDANA MENTERI**

Peringkat Kebangsaan

**5 APRIL 2025 (SABTU) | 10:00 PAGI - 4:00 PETANG
PUSAT DAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA (MITC), AYER KEROH, MELAKA**

IHSAN MENYENTUH JIWA, TOLERANSI MENYATU NEGARA

